

Ucapan Perasmian

**Yang Berhormat
Tuan Baru Bian
Menteri Kerja Raya**

**Sempena
Majlis Pelancaran Malaysian Standard For Civil Engineering
Standard Method Of Measurement (MSCESMM)**

**Grand Ballroom, The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu, Sabah
8 Januari 2019 (Selasa)**

(Salutations to be provided on event day)

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat pagi dan Salam Sejahtera.

1. Saya berbesar hati kerana dapat kita bersama-sama hadir ke **Majlis Pelancaran MS 2701: 2018 Civil Engineering Standard Method of Measurement**, anjuran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** bersama-sama **Jabatan Standard Malaysia** untuk menyaksikan acara yang penting dalam usaha pemerkasaan industri pembinaan Malaysia di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 – 2020.
2. Acara hari ini sememangnya mengukuhkan lagi usaha Kementerian Kerja Raya menerusi CIDB ke arah merealisasikan matlamat-matlamat CITP. *Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement* atau MyCESMM (sebutan My-Seh-Zerm), yang merupakan satu komponen penting dalam meningkatkan standard industri pembinaan Malaysia, akan memberikan impak yang lebih berkesan khususnya kepada matlamat teras strategik pertama dan keempat CITP iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme dan juga Pengantarabangsaan dan pedayasaingan.

Memperkasakan Budaya Industri Pembinaan Malaysia

Para hadirin sekalian,

3. Keupayaan untuk berkomunikasi secara efektif merupakan antara aspek yang penting dalam menentukan kejayaan sesebuah projek pembinaan. Salah satu komponen yang penting dalam komunikasi adalah penggunaan piawaian atau standard yang diterimapakai oleh para penggiat industri.
4. Sehubungan itu, pada tahun 2011 CIDB dan penggiat industri telah memperkenalkan MyCESMM sebagai dokumen rujukan bagi menggalakkan para penggiat industri menerapkan amalan terbaik dalam penyeragaman pengukuran kerja-kerja sivil hanya dengan berdasarkan satu standard. Ianya bertujuan untuk mengurangkan kekeliruan mengenai kaedah-kaedah pengukuran, huraian dan definisi, serta liputan kerja bagi setiap item yang dihargaikan.
5. MyCESMM turut memainkan peranan strategik dalam penggalakan sistem perolehan yang adil dan efektif kerana penyelarasan ini akan mengurangkan percanggahan atau pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat dalam rantai nilai industri pembinaan. Keselarasan ini akan meningkatkan daya saing antara penender atau *tenderers*.
6. Penerangan jelas dan seragam di dalam MyCESMM mengenai skop-skop kerja juga akan memastikan setiap kontraktor yang memasuki tender projek mendapat maklumat dan pemahaman yang sama mengenai kerja-kerja yang perlu dilaksanakan. Dengan ini, ketidakpastian dalam penyediaan harga tender dapat dikurangkan di samping menggalakkan komunikasi yang efektif dan menjamin kualiti kerja.
7. Hasilnya, proses pemilihan kontraktor dapat dijalankan dengan cara yang lebih objektif dan telus. Malah, mewujudkan persaingan yang sihat di antara syarikat-syarikat tempatan sekaligus meningkatkan kebolehan dan kedayasaingan

mereka dalam pasaran antarabangsa.

8. Saya difahamkan bahawa setakat ini, terdapat lebih daripada 40 projek di seluruh negara telah menggunakan MyCESMM yang bukan sahaja merangkumi projek berskala besar tetapi turut melibatkan projek berskala kecil. Syabas diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat!

MSCESMM MS 2701:2018 sebagai langkah seterusnya

Para hadirin sekalian,

9. Sejak diperkenalkan pada tahun 2011, CIDB telah berjaya melaksanakan kolaborasi dalam penggunaan MyCESMM bersama 31 agensi teknikal dan bukan teknikal dari sektor awam dan juga swasta. Antara agensi teknikal yang telah bekerjasama dengan CIDB adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan banyak lagi. Manakala bagi agensi bukan teknikal pula melibatkan pusat pengajian tinggi seperti UTM, UITM, UM, Taylor's University dan lain-lain yang mana MyCESMM digunakan sebagai rujukan dalam pembelajaran.
10. Sukacita saya ingin nyatakan di sini bahawa acara hari ini turut menandakan satu lagi kemajuan yang membanggakan dalam pembangunan MyCESMM yang mana penambahbaikan dokumen ini telah dinaiktaraf kepada standard nasional, iaitu MS 2701:2018 Civil Engineering Standard Method of Measurement.
11. Saya berbesar hati kerana dapat hadir pada hari ini dan turut bersama menyaksikan perasmian MyCESMM sebagai Malaysian Standard 2701:2018, yang dikawal selia oleh Jabatan Standard di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
12. Untuk pengetahuan para hadirin, penaiktarafan ini telah melalui beberapa siri

sesi rundingan dan perbincangan bersama penggiat industri umum yang dianjurkan oleh CIDB dengan bantuan SIRIM. Selain daripada itu, CIDB juga telah mendapatkan perundingan daripada pihak-pihak dari pelbagai bidang termasuk klien, kontraktor, persatuan, universiti dan sebagainya.

13. Sebagai sebuah penerbitan di bawah Jabatan Standard Malaysia, MS 2701 kini merupakan standard nasional yang boleh digunapakai bagi kesemua projek di negara ini. Versi terbaharu ini mengintegrasikan pelbagai spesifikasi yang wujud di pasaran Malaysia dan menggabungkan amalan industri terbaik, tidak kira sama ada di peringkat antarabangsa, nasional mahupun standard dalam sesebuah syarikat. Ianya juga merupakan hasil daripada proses-proses rundingan dan kolaborasi dengan peneraju-peneraju industri.

14. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan penghargaan kepada kesemua pihak yang menyumbangkan masa dan tenaga untuk memperkasakan industri pembinaan Malaysia ke persada global. Dengan penambahbaikan ini, penerbitan MS 2701:2018 akan berfungsi sebagai rujukan awam dan garis panduan buat penggiat industri.

15. Selain itu, standard nasional ini akan memberikan dorongan kepada syarikat-syarikat pembinaan Malaysia untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan pasaran baru dan sekaligus meningkatkan kedayasaingan mereka di dalam dan luar negara.

MoU MSCESMM

Para hadirin sekalian,

16. Hari ini, kita juga akan menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman antara badan strategik iaitu Borneo Highway PDP Sdn Bhd dengan CIDB Malaysia sebagai tanda komitmen dalam meningkatkan penggunaan MS 2701. Ini merupakan salah satu usaha ke arah transformasi industri pembinaan negara

melalui kolaborasi strategik, seperti yang dinyatakan di dalam slogan CITP – “Memacu Kecemerlangan Pembinaan Bersama”. Syabas diucapkan!

17. Oleh demikian, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru para penggiat industri agar turut sama menggunakan MS 2701:2018 di dalam pelaksanaan projek-projek pembinaan anda. Kementerian Kerja Raya bersama agensi-agensinya di bawah KKR komited untuk membantu penyedia perkhidmatan kerja-kerja kejuruteraan awam dan penggiat industri pembinaan dalam memastikan kualiti pembinaan di Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia.
18. Walaubagaimanapun, setiap pihak berkepentingan di dalam industri ini perlu memainkan peranan masing-masing untuk memastikan industri pembinaan Malaysia membangun secara menyeluruh. Ianya bukan sahaja penting bagi penggiat industri malah seluruh warga Malaysia kerana industri pembinaan merupakan komponen utama dalam ekonomi negara dengan mewujudkan pekerjaan, memacu pertumbuhan ekonomi dan menyediakan penyelesaian kepada cabaran sosial, iklim dan tenaga.
19. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada Borneo Highway PDP Sdn Bhd atas komitmen serta kerjasama dalam memacu perkembangan industri pembinaan negara selaras dengan matlamat CITP. Saya dimaklumkan kesemua 35 pakej di bawah Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah menggunakan MyCESMM. Ini merupakan permulaan yang baik sebagai rakan strategik. Jutaan penghargaan juga diucapkan kepada rakan kabinet saya, YB Datuk Darell Leiking kerana sudi meluangkan masa merasmikan majlis hari ini.
20. Kami dari pihak Kementerian Kerja Raya dan CIDB berharap agar kerjasama ini akan menjadi titik permulaan kepada lebih banyak lagi kolaborasi bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada masa akan datang. Melalui kerjasama dengan MITI, khususnya dari segi Pengantarabangsaan yang merupakan satu daripada teras strategik CITP, kita pastinya akan dapat merealisasikan matlamat Negara untuk menjadi salah satu daripada penggiat

industri pembinaan di peringkat antarabangsa.

21. Justeru itu, marilah kita bersama-sama memanfaatkan kemajuan pembangunan Malaysia Standard 2701:2018 ke arah menjadikan industri pembinaan Malaysia sebuah industri yang mampan dan berdaya tahan.

22. Dengan ini saya dengan segala hormatnya merasmikan Majlis Pelancaran Malaysian Standard For Civil Engineering Standard Method Of Measurement (MSCESMM).

Sekian, terima kasih.

#####